

1975

KUALA LUMPUR, 26 JULAI (BERNAMA) -- MURID-MURID SEKOLAH HARUSLAH DILENGKAPKAN DENGAN JENIS-JENIS ILMU PENGETAHUAN YANG LUAS, DAN BUKAN SEMPIT BAGI TUJUAN SEMATA-MATA HENDAK LULUS PEPERIKSAAN SAHAJA.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, BERKATA HARI INI, MEREKA HENDAKLAH MENDAPATKAN PENGETAHUAN YANG MEMBOLEHKAN MEREKA BERFIKIR DENGAN LOJIK DAN MENGANALISA MASALAH DENGAN SISTEMATIK SEHINGGA DAPAT MEMBUAT KEPUTUSAN YANG RASIONAL DAN MUNASABAH SERTA BOLEH DIPRAKTIKKAN.

BELIAU TELAH MERESMIKAN PERTANDINGAN BAHAS ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH SAINS BAGI MEREbut PIALA PERDANA MENTERI 1975, PERINGKAT AWAL DAN SUKU AKHIR DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DISINI.

DR. MAHATHIR BERKATA AKTIVITI-AKTIVITI SEPERTI MAJLIS PERBAHASAN ITU MEMBERI MURID-MURID PELUANG MELATIH DIRI BERFIKIR DENGAN TAJAM DAN LOJIK, MENGANALISA DENGAN CEPAT DAN TEPAT HUJAH DARI PIHAK LAWAN DAN MEMBERI HUJAH YANG BERNAS.

TAMBAHNYA, DENGAN CARA INI MURID-MURID SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MEMPELAJARI SATU DARIPADA ASPEK DAN KUALITI KEPIMPINAN YANG BAIK DAN BERKESAN.

SEKOLAH-SEKOLAH PATUT SENTIASA BERUSAHA MENGAMALKAN RUKUN TETANGGA TERUTAMA SEKALI DENGAN SEKOLAH-SEKOLAH YANG BERJIRAN BAGI MENJALIN PERHUBUNGAN BAIK DI ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH, BERTUKAR FIKIRAN DAN TEKNIK PENGAJARAN SUPAYA MENOLONG MENINGGIKAN TARAF PELAJARAN. BERSAMBUNG-1646/BY

DR. MAHATHIR MENYERU SEMUA SEKOLAH-SEKOLAH BERASRAMA PENUH MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM ACARA-ACARA AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK YANG DIKELOLAKAN OLEH PENGARAH PELAJARAN NEGERI ATAU KEMENTERIAN PELAJARAN.

TAMBAHNYA, PENYERTAAN TERSEBUT AKAN MENOLONG MENJALIN HUBUNGAN BAIK ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH DENGAN MASYARAKAT SETEMPAT.

SEBANYAK 18 BUAH SEKOLAH MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERTANDINGAN BAHAS KEDUA ITU.--BERNAMA-1648/BY